

TAFSIRAN HAD UMUR PESALAH MUDA KANAK-KANAK DARI SUDUT FIQH DAN PERUNDANGAN MALAYSIA

AGE LIMIT FOR JUVENILE DELINQUENTS FROM SYARIA PERSPECTIVE AND MALAYSIAN LAW

Siti Hajar Mohd Afendi¹, Siti Aisyah Samudin², Hanira Hanafi^{3*}

¹Calon Sarjana Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya, Kuala Lumpur, s2021852@siswa.um.edu.my

²Pensyarah Kanan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sitiaisyah.samudin@um.edu.my

³Pensyarah Kanan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hanira_hanafi@um.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 19 Mei 2023

| Selepas Pembetulan: 9 Okt 2023

| Diterima untuk terbit: 14 Nov 2023

Abstrak

Kesalahan jenayah di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu jenayah dalam aspek syariah seperti khalwat serta jenayah sivil seperti mencederakan orang lain. Isu jenayah ini semakin mengusarkan masyarakat apabila ia turut melibatkan pesalah dalam kalangan kanak-kanak sama ada jenayah ringan mahupun jenayah berat. Oleh yang demikian, peruntukan hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan merupakan ikhtiar daripada pihak kerajaan dalam mendepani isu peningkatan kes jenayah. Justeru, had umur minimum tanggungjawab jenayah perlu ditelusuri dengan mendalam bagi memastikan kemaslahatan pesalah kanak-kanak tersebut masih terpelihara berpandukan kepada peruntukan had umur oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations). Di samping meninjau had umur pesalah muda kanak-kanak dari sudut perundangan Malaysia, penetapan had umur dari sudut fiqh syariah Islam turut diteliti. Sehubungan itu, kaedah kualitatif dengan menggunakan metode dokumentasi akan digunakan. Penganalisan data pula akan dilakukan secara deskriptif. Hasil daripada kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai pendapat berkenaan dengan penetapan had umur pesalah dalam kalangan kanak-kanak. Ketidakselarasan had umur ini berlaku di antara mahkamah-mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia. Perbezaan penilaian umur kanak-kanak ini juga dapat dilihat apabila dibandingkan dengan peruntukan fiqh iaitu pandangan empat mazhab terkemuka. Oleh itu, had umur kanak-kanak yang tidak mempunyai penyelarasan ini perlu dipastikan tidak menimbulkan sebarang ketidakadilan dalam struktur perundangan.

Kata kunci

Jenayah, Had Umur Kanak-Kanak, Undang-undang Sivil, Undang-undang Syariah dan Fiqh

Abstract

Criminal offences in Malaysia are divided into two, which are crimes in the Sharia aspect such as adultery and civil crimes such as injuring others. This crime issue is getting more acute and worrying the community even more when it also involves offenders among children, whether minor crimes or serious crimes. Therefore, the provision of punishment for offences committed is one of the government's efforts to reduce the crime rate. This article explored

the minimum age limit for criminal responsibility to ensure the welfare of child offenders is still protected, in line with the age limit provision provided by the United Nations. In addition to reviewing the age limit for juvenile delinquents from the Malaysian law point of view, the age limit from the Islamic shariah jurisprudence point of view was also examined. This article used a qualitative method through the documentation method. It was then analysed using descriptive and content analysis. According to the study's findings, there are various opinions regarding the age limit for juvenile delinquents. The inconsistency of this age limit occurs between Sharia courts and civil courts in Malaysia. The difference in the assessment of a child's age is also visible when compared to the provision of fiqh, which is the view of the four dominant mazhab. These results lend an idea about the importance of ensuring coordination on the age limit of children so as not to create any injustice in the legal structure.

Keywords

Crime, Age Limit of Child, Civil Law, Syaria Law and Fiqh

1.0 Pendahuluan

Kes jenayah masih berlaku di dunia termasuk di Malaysia sama ada jenayah ringan mahupun jenayah berat. Perbuatan jenayah semakin mengugurkan apabila pelaku jenayah tersebut melibatkan golongan kanak-kanak dan menjadi semakin parah seiring dengan perkembangan dunia teknologi. Jenayah didefinisikan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai suatu perbuatan yang jahat dan merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang. Jenayah juga adalah perbuatan yang menjadi kesalahan dan boleh dipertanggungjawabkan dengan hukuman mengikut undang-undang negara (Abu Samah & Mohd Ali 2018). Dari sudut fiqh, jenayah diistilahkan sebagai semua bentuk tindakan terhadap tubuh badan, harta dan sebagainya yang dilarang dan boleh merosakkan. Setiap kesalahan yang dilakukan boleh dipertanggungjawabkan dengan hukuman yang disyariatkan iaitu hudud, qisas dan diyat atau takzir (Yusof 2013). Berdasarkan definisi jenayah ini, dapat disimpulkan bahawa jenayah yang telah berlaku secara tidak langsung boleh melanggar konsep *maqasid daruriyyah* iaitu objektif penurunan syariat Islam bagi menjamin pemeliharaan kelangsungan hidup. Konsep ini terbahagi kepada lima bahagian itu menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan (Abd Majid et al. 2012). Hak asasi seorang individu mempunyai perkaitan dengan pemeliharaan lima teras perkara penting dalam Islam (Auda 2014). Sebagai contoh, seseorang yang membunuh individu lain telah mengabaikan asas syariat agama untuk memelihara agama. Begitu juga dengan seseorang yang terlibat dengan kes maksiat seperti berkhawat yang boleh merosakkan keturunan mereka.

Sehubungan itu, perkara-perkara yang menyumbang kepada faktor berlaku jenayah dalam kalangan kanak-kanak adalah termasuk dengan faktor persekitaran kanak-kanak yang negatif seperti institusi kekeluargaan yang pecah, sumber ekonomi serta taraf pendidikan seseorang. Setiap anak perlu ditangani dan dipelihara dengan penuh kasih sayang serta perhatian oleh ibu bapa sejak dari kecil agar tidak berasa dipersisih (Zakaria 2015). Selain itu, kurang didikan agama dalam diri kanak-kanak merupakan salah satu punca kanak-kanak melakukan jenayah. Begitu juga dengan kewujudan sikap ingin mencuba sesuatu yang baru setelah berlaku perkembangan perubahan terhadap mental dan fizikal seorang kanak-kanak (Awani 2022).

Kemudian, seperti yang dikeluarkan dalam akhbar (Metro 2020), Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay iaitu Ketua Polis Johor berpendapat bahawa statistik bagi kes jenayah yang melibatkan golongan kanak-kanak sebagai pelaku jenayah di Malaysia berada dalam keadaan yang membimbangkan. Sementelahan, hampir 99 peratus kes kanak-kanak ini ialah pelajar sekolah yang berusia di antara 13 tahun sehingga 18 tahun. Lebih merisaukan adalah apabila kesalahan jenayah rogol yang dilaporkan di Pulau Pinang dari Julai 2021 sehingga November 2022 adalah sebanyak 96 kes dan 77 daripadanya ialah kes melibatkan pesalah juvana atau remaja di bawah umur (Awani 2022). Antara kesalahan jenayah yang banyak melibatkan pesalah kanak-kanak adalah kes mencuri dan menyamun, mencederakan orang lain, memecah rumah serta merogol. Berikut dilampirkan statistik kes jenayah yang melibatkan pesalah muda iaitu kanak-kanak di Malaysia:

Jadual 1 Statistik Kes Jenayah Melibatkan Pesalah Muda Kanak-Kanak di Malaysia dari tahun 2018 sehingga 2020

Jenis Kes/ Tahun	2018	2019	2020
Bersangkutan Harta Benda	1403	1035	744
Bersangkutan Orang	692	600	547
Akta Kesalahan Kecil	97	40	82
Melanggar Syarat Pengawasan	5	1	8
Dadah	1744	1965	1568
Judi	69	84	71
Senjata/ Bahan Api	35	19	21
Lalulintas	598	498	621
Lari dari Sekolah Diluluskan	7	0	4
Lain-Lain	644	591	1676

Sumber: Laporan Rasmi daripada Kebajikan Masyarakat Tahun 2018 sehingga 2020

Lain-lain kesalahan merujuk kepada kesalahan permohonan tidak terkawal, merayau tanpa kad pengenalan, masuk kawasan larangan, memiliki bahan lucah serta kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Akta Telekom, Akta Racun 1952 dan melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020.

Sebagai contoh kes yang berlaku di Malaysia, berita duka berkenaan seorang remaja yang baru berusia 15 tahun disyaki telah membunuh bayinya sendiri dengan menikam bayi tersebut di bahagian dada kiri sejurus selepas melahirkannya (Harian 2022). Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya purata sebanyak 10 buah kes dalam kes jenayah membuang bayi dilaporkan bagi tempoh satu bulan bermula dari tahun 2018 sehingga 2021. Sebanyak 40 kes melibatkan kategori umur pesalah dalam kalangan di bawah usia 18 tahun (Harian 2022). Selain kes membuang bayi, kes jenayah berat iaitu membunuh juga pernah dilakukan oleh kanak-kanak. Kes melibatkan PP lawan *Francis anak Kuin* merupakan satu kes bunuh oleh kanak-kanak yang tidak dilaporkan. Kanak-kanak tersebut berumur 17 tahun, enam bulan dan lima hari ketika jenayah tersebut dilakukan. Menurut fakta, tertuduh bersama mangsa dan kawan-kawannya sedang berkumpul meminum minuman yang memabukkan apabila berlaku pergaduhan menyebabkan mangsa dipukul dengan sebatang kayu sehingga mati. Hasil bedah siasat menunjukkan bahawa mangsa mati akibat

kecederaan di kepala dan luka pada hati akibat tusukan objek tumpul (Abd Rahim 2014).

Bagi kes jenayah syariah, minum minuman memabukkan merupakan antara kesalahan jenayah yang berlaku dalam golongan di bawah umur. Misalnya, kes melibatkan remaja lelaki di bawah umur ditahan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dalam serbuan Ops Bersepadu Tahun Baharu 2023. Hasil ujian menunjukkan bahawa pesalah ini berada di bawah pengaruh alkohol dan disiasat di bawah Seksyen 19 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 (Malaysia 2023). Bahana meminum minuman memabukkan ini turut dibuktikan dengan tindakan pihak kerajaan Malaysia meminda peruntukan penjualan minuman beralkohol daripada 18 tahun kepada 21 tahun kini. Notis bahaya arak juga perlu dipamerkan di hadapan setiap premis jualan minuman beralkohol (Awani 2016). Selain itu, pihak mahkamah turut berpandangan bahawa kanak-kanak yang berusia 16 tahun sehingga 18 tahun adalah merupakan kelompok yang paling banyak terbabit dalam kes-kes maksiat (Hamid et al. 2015).

Seterusnya, kes jenayah di Malaysia akan diadili oleh dua jenis institusi mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang berlainan seperti yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Senarai II Jadual Kesembilan (Perlembagaan Persekutuan 2009). Kes yang melibatkan masyarakat Islam termasuk kanak-kanak berkaitan dengan hukum syarak dan undang-undang diri atau keluarga akan dibicarakan di mahkamah syariah (Mohamed Adil 2000) manakala kebanyakan kes jenayah yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan undang-undang sivil yang lain seperti merogol dan membunuh akan diadili di mahkamah sivil.

Sehubungan itu, Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka memberi definisi bagi kanak-kanak sebagai seorang budak lelaki atau perempuan yang masih kecil dan kebiasaannya berumur lebih daripada tujuh atau lapan tahun. (A. Martin 1996) mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang belum dewasa dan tidak memberikan spesifikasi yang jelas dalam had umur tersebut. Manakala dari sudut perspektif syariat Islam, seseorang masih bergelar kanak-kanak selagi belum *ihtilam* atau mencapai usia baligh (Abdul Rahim & Yusof 2014). Di samping itu, undang-undang negara turut memperuntukkan had umur seorang kanak-kanak bagi jenayah sivil dan jenayah syariah namun penetapan had umur ini memiliki perbezaan di antara sistem-sistem perundangan di Malaysia. Had umur kanak-kanak bagi mahkamah syariah di Perlis dan Kedah adalah berlainan dengan mahkamah syariah yang lain (Abdullah et al. 2017). Mahkamah sivil yang menggunakan Akta Kanak-Kanak 2001 bagi kes jenayah melibatkan golongan pesalah muda pula meletakkan had umur kanak-kanak yang lebih tinggi berbanding peruntukan di mahkamah syariah.

Oleh yang demikian, ketidakselarasan had umur seorang kanak-kanak di peringkat institusi kehakiman akan memberi impak kepada pihak mahkamah serta pesalah. Hal ini adalah kerana isu ini mampu mewujudkan ketidakadilan ketika pihak mahkamah memberikan hukuman yang relevan kepada pesalah muda kanak-kanak. Justeru penulis akan membuat penelitian terhadap kesemua bentuk peruntukan yang terkait dengan penetapan had umur kanak-kanak bagi kes jenayah di Malaysia serta penetapan dari sudut fiqh syariat Islam.

2.0 Metodologi Kajian

Pemilihan dan penggunaan metode kajian yang tepat adalah penting bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Maka beberapa kaedah kajian yang bersesuaian telah digunakan untuk mendapat analisis data yang sah (Samudin 2019). Penelitian kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu kaedah kepustakaan. Kualitatif merupakan kaedah bagi menerangkan suatu fenomena yang lengkap dan menyeluruh menggunakan apa-apa metode dan seterusnya didasari oleh falsafah seseorang (Yaakub & Buang 2019). Metode dokumentasi telah digunakan oleh penulis ketika mengumpulkan data kajian. Kajian kepustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat berkenaan konsep asas berkaitan penetapan had umur seorang kanak-kanak di bawah sistem keadilan jenayah syariah Islam mahupun sistem perundangan negara sama ada perundangan sivil dan perundangan syariah. Penulis membuat penelitian terhadap semua enakmen dan akta negara yang terkait dengan kajian. Artikel daripada jurnal, buku, laman sesawang rasmi yang bertepatan dengan tema dan objektif kajian juga digunakan sebagai rujukan kajian. Selain itu, penulis juga mengguna pakai bahan rujukan seperti tafsir al-Quran dan syarahan hadis berhubung kanak-kanak khas untuk memperoleh data berhubung konsep kanak-kanak dari sudut perspektif hukum syarak.

Penulis turut menggunakan beberapa bentuk metode dalam penelitian kajian ini. Metode yang digunakan akan dijadikan sebagai panduan dalam mengumpul dan menganalisis data (Kurniawan & Ab Rahman 2020). Dalam metode analisis data, analisis deskriptif serta analisis kandungan digunakan. Analisis deskriptif adalah huraian objektif terhadap data yang diperoleh. Penghasilan analisis yang tepat dan relevan dengan perbahasan kajian akan diperoleh kerana penyelewengan sukar berlaku terhadap sumber yang digunakan seperti artikel jurnal (Jasmi 2012). Selain itu, penulis turut melakukan analisis kandungan terhadap hukum syarak berpandukan kepada dalil naqli dan 'aqli. Penulis mendapatkan data penelitian untuk dianalisis dan kemudian melakukan kesimpulan terhadap hasil kajian.

3.0 Had Umur Pesalah Muda Kanak-kanak dari Sudut Fiqh

Baligh adalah salah satu tanda kesempurnaan akal seseorang (Yusof 2018). Pensyariatan agama Islam seperti solat dan puasa hanya ditaklifkan ke atas seseorang yang sempurna akal. Mukallaf adalah apabila seseorang sudah baligh, mempunyai akal yang sempurna serta perlakuannya akan menjadi objek tuntutan syara' (Az-Zuhaili 2010). Penentuan baligh seorang kanak-kanak adalah secara tab'i atau kebiasaan dan secara penetapan umur maksimum baligh. Kewujudan tanda fisiologi membuktikan bahawa kanak-kanak tersebut sudah baligh dan memasuki alam kedewasaan. Hal ini juga menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut matang dalam membuat pemilihan dan penilaian tersendiri. Tanda-tanda fizikal bagi kanak-kanak lelaki adalah melalui *al-ihthilam* iaitu keluar air mani manakala keluar darah haid bagi kanak-kanak perempuan (Noor 2013).

عن ابن عباس قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((رفع القلم عن ثلاثة: عن المجنون المغلوب على عقله حتى يفيق، وعن النائم حتى يستيقظ، وعن الصبي حتى يحتلم))؟ قال: صدقت.

Terjemahan: Dari Ibn Abbas berkata, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Telah diangkat pena pada tiga perkara: dari orang gila yang hilang akal sehingga dia waras, dari tidur sehingga dia bangun, dan dari kanak-kanak lelaki sehingga dia baligh?" Dia berkata: "Kamu benar."

Abu Daud, no 4401

عن عائشة، عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال ((لا يقبل الله صلاة حائض إلا بخمار)).

Terjemahan: Dari Aisyah, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Allah tidak akan menerima solat orang yang telah berhaiid melainkan dengan menutup kepala."

Abu Daud, no 641

Syarat untuk seseorang mempunyai *ahliyyatu al-ada' al-kamilah* adalah termasuklah baligh dan berfikiran matang iaitu kelayakan untuk melakukan segala pensyariaan agama (Mohamad Al-Bakri 2022) yang boleh memberi kesan suatu hukum halal haram atau sah batal (Muhd Adnan 2022). Dua komponen lain adalah kemampuan untuk memahami dan membuat pilihan. Sebahagian ulama meletakkan baligh dan berfikiran matang ini sebagai syarat penentuan bahawa perlakuan jenayah yang dilakukan mereka dianggap sebagai suatu kesalahan dan dibebani dengan hukuman persis dengan layanan serta bentuk hukuman untuk pesalah dewasa (Abdul Rahim & Yusof 2014). Sehubungan itu, hanya kanak-kanak yang sudah baligh termasuk anak yatim boleh berdikari dan bertanggungjawab atas pilihan yang dibuat. Firman Allah dalam surah al-An'am ayat 152 serta surah an-Nisa' ayat 6 jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak yang sudah baligh boleh berfikiran matang:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mendekati (mengguna atau membelanja) harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat hingga dia dewasa.

Al-An'am (6):152

وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبَرُوا ۗ وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۗ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ۗ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهَدُوا عَلَيْهِمْ ۗ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا

Maksudnya:

Dan ujilah anak-anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk bernikah. Kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah bijak dan berkebolehan (pandai memelihara harta), maka serahkanlah harta itu kepada mereka. Dan janganlah kamu memakannya (harta anak yatim) secara berlebihan dan (janganlah kamu)

tergesa-gesa (menghabiskannya) sebelum mereka dewasa. Barangsiapa (di antara pemelihara itu) berkemampuan, maka hendaklah dia menahan diri (daripada memakan harta anak yatim itu) dan barangsiapa miskin, maka boleh dia makan harta itu menurut cara yang patut. Kemudian, apabila kamu menyerahkan harta itu kepada mereka, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. Dan cukuplah Allah sebagai pengawas.

An-Nisa' (4):6

Jika tiada tanda baligh iaitu keluar air mani atau darah haid muncul, maka had umur baligh akan digunapakai. Ulama fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan umur baligh ini. Abdul Qader Audah berpendapat bahawa kanak-kanak lazimnya akan didatangi mimpi menandakan baligh sebelum usia 15 tahun. Namun, jika seorang kanak-kanak mencapai umur 15 tahun dan tidak didatangi mimpi tersebut, maka beliau boleh dikategorikan sudah baligh kerana sudah mampu berfikiran matang serta berkebolehan untuk membezakan perkara yang baik dan buruk. Perkara ini disokong melalui dalil peristiwa perang pada zaman Nabi. Ibn Umar tidak dibenarkan untuk menyertai peperangan Uhud namun kemudiannya diberi kebenaran pada tahun berikutnya ketika sudah berusia 15 tahun. Imam Nawawi dan Umar ibn Abdul Aziz turut berpegang kepada usia 15 tahun sebagai usia baligh seseorang dan menjadi had di antara kanak-kanak dengan dewasa. Riwayat daripada Ibn Umar yang bermaksud,

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ سَعِيدٍ: حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ قَالَ: حَدَّثَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ قَالَ: حَدَّثَنِي نَافِعٌ قَالَ: حَدَّثَنِي ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرَضَهُ يَوْمَ أُحُدٍ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعِ عَشْرَةَ سَنَةً فَلَمْ يُجْزِنِي، ثُمَّ عَرَضَنِي يَوْمَ الْخَنْدَقِ وَأَنَا ابْنُ خَمْسِ عَشْرَةَ فَأَجَازَنِي. قَالَ نَافِعٌ: فَقَدِمْتُ عَلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ وَهُوَ خَلِيفَةٌ فَحَدَّثْتُهُ هَذَا الْحَدِيثَ فَقَالَ: إِنَّ هَذَا لَحَدٌّ بَيْنَ الصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ، وَكَتَبَ إِلَيَّ عُمَالِهِ أَنْ يَفْرَضُوا لِمَنْ بَلَغَ خَمْسَ عَشْرَةَ.

Maksudnya: "Aku menyerahkan diriku kepada Nabi pada peperangan Uhud ketika aku berusia 14 tahun dan Nabi tidak mengizinkanku kerana Baginda tidak menganggapku telah baligh. Aku juga menyerahkan diriku kepada Nabi pada peperangan Khandak ketika aku berusia 15 tahun dan Nabi mengizinkanku kerana Baginda menganggapku telah baligh."

Al-Bukhari, no 2664

Seterusnya, Imam Abu Hanifah menetapkan usia baligh yang berbeza terhadap kanak-kanak lelaki dan perempuan. Umur baligh kanak-kanak lelaki adalah 18 tahun genap manakala kanak-kanak perempuan baligh pada usia 17 tahun genap. Kemudian, Imam Malik memperuntukkan usia 18 tahun sebagai usia baligh bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan (Abdul Rahim & Yusof 2014). Had umur 18 tahun ini hanya disokong oleh segelintir ahli ulama (Mohamad Al-Bakri 2022). Pendapat lain pula mengatakan bahawa ketiga-tiga mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali mentakrifkan usia baligh kanak-kanak sebagai 15 tahun. Hanya mazhab Maliki yang berbeza pendapat berkenaan usia baligh iaitu 17 tahun (Noor 2013).

Kanak-kanak yang melakukan jenayah tidak akan dianggap sebagai suatu kesalahan selagi belum mencapai usia baligh. Jumhur ulama berpandangan bahawa antara syarat yang perlu dimiliki oleh seorang penjenayah sebelum didakwa adalah beliau telah baligh selain daripada lain-lain bukti dari sudut sistem perundangan. Ibn Abidin menjadikan baligh sebagai pengakhiran zaman kanak-kanak. Malah sifat baligh ini juga dijadikan sebagai penentu kepada pemikiran yang matang menurut Al-Amidiy. Walau yang demikian, segelintir ulama mazhab Syafi'i memiliki pendapat yang berbeza. Kanak-kanak yang melakukan suatu kesalahan sudah dianggap sebagai perbuatan jenayah namun tidak akan dihukum hudud dan qisas sepertimana yang dijatuhkan ke atas pesalah dewasa. Perintah hukuman yang diperuntukkan dalam perundangan negara adalah berbentuk *ta'dib* iaitu didikan dan hukuman membabitkan tanggungjawab sivil seperti bayaran ganti rugi atau diyat (Abdul Rahim & Yusof 2014). Hukuman terhadap pesalah yang sudah baligh boleh dijatuhkan menurut mazhab Maliki, Hanbali dan sebahagian mazhab Syafi'i (Abdul Rahim & Yusof 2014).

Kemudian, ulama fuqaha turut mengkategorikan kanak-kanak kepada dua peringkat iaitu sebelum mumaiyyiz dan selepas mumaiyyiz untuk memiliki sifat *tamyiz* di mana kanak-kanak boleh melakukan kerja bersendirian tanpa pertolongan orang lain. Peringkat sebelum mumaiyyiz bermula dari detik seseorang itu dilahirkan sehingga hampir mencapai usia tujuh tahun. Kanak-kanak belum dapat membezakan baik buruk suatu perkara apatah lagi untuk membuat pilihan yang tersendiri. Oleh yang demikian, kanak-kanak pada seawal usia ini tidak boleh dikenakan sebarang hukuman kerana mereka masih belum memiliki sifat *idrak* (keupayaan memahami) dan *ikhtiar* (kemampuan membuat pilihan) (Abdullah et al. 2017). Berbeza dengan peringkat kedua iaitu selepas mumaiyyiz, kanak-kanak sudah mengetahui kesan suatu perkara namun kebolehan ini masih lemah jika dibandingkan dengan orang dewasa. Umur minimum peringkat kedua ini adalah tujuh tahun dan akan berlanjutan sehingga kanak-kanak tersebut baligh (Zakaria 2015).

Di samping itu, istilah baligh didefinisikan dalam kebanyakan undang-undang syariah di setiap negeri dalam Malaysia dengan takrifan sudah cukup umur mengikut hukum syara'. Walau bagaimanapun, negeri Kedah, Kelantan, Pahang dan Perlis tidak meletakkan sebarang akta berkaitan takrifan atau usia baligh. Enakmen negeri Perak dan Negeri Sembilan lebih mengkhususkan definisi baligh dengan meletakkan had umur 12 tahun genap sebagai usia baligh. Bagi negeri Melaka, seseorang yang berumur kurang daripada 15 tahun kamariah dianggap belum baligh manakala negeri Sabah berpandangan bahawa usia baligh adalah 12 tahun kamariah. Seterusnya negeri Terengganu pula mendefinisikan mukallaf sebagai seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akal (Abdul Rahim & Yusof 2014). Perbezaan penetapan usia baligh yang berbeza ini boleh menimbulkan kesan negatif kepada perundangan jenayah syariah. Sebagai contoh, seorang individu yang berumur 14 tahun telah melakukan suatu perbuatan jenayah. Di Negeri Sembilan, perbuatan ini dianggap sebagai suatu kesalahan manakala jika kes ini berlaku di negeri Melaka, tiada tindakan undang-undang boleh dijatuhkan kepada individu tersebut kerana usia 14 tahun dianggap belum baligh.

4.0 Bidangkuasa Mahkamah dalam Kes Jenayah di Malaysia

Malaysia tidak mengguna pakai keseluruhan undang-undang Islam sejak negara dijajah oleh British. Pihak penjajah lebih menumpukan kepada mahkamah sivil,

membalik dan menaikkan institusi mahkamah ini. Hal ini menyebabkan mahkamah syariah dipandang rendah oleh masyarakat dan khidmat digunakan hanya bagi memperoleh nasihat agama (Z. R. Abu Bakar & Muhammad Hashim 2019). Hasilnya, Malaysia mempunyai dua bentuk perundangan di mana kerajaan pusat mempunyai bidangkuasa tertentu dan kerajaan negeri sebagai ahli pusat juga memiliki bidangkuasa tertentu berdasarkan Perlembagaan Persekutuan (S. A. Abu Bakar & Ismail 2018). Isu perundangan sivil berada di bawah penguatkuasaan persekutuan dan undang-undang syariah pula di bawah bidang kuasa setiap negeri.

Kesalahan berkaitan dengan hukum syarak dan adat orang Melayu akan dibicarakan di mahkamah syariah. Setiap negeri memiliki akta, enakmen atau ordinan yang tersendiri dan memuatkan isu yang telah diperuntukkan oleh kerajaan. Kini sistem perundangan syariah semakin dimartabatkan oleh pihak kerajaan (Z. R. Abu Bakar & Muhammad Hashim 2019). Seterusnya, semua bentuk jenayah yang lain seperti merogol dan membunuh pula akan diadili di mahkamah sivil dengan menggunakan Kanun Keseksaan secara umum dan Akta Kanak-kanak 2001 bagi kes melibatkan pesalah dalam kalangan kanak-kanak. Merujuk kepada Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan, jika terdapat ketidakselarasan antara undang-undang negeri dan undang-undang persekutuan, undang-undang negeri akan menjadi tidak sah setakat bahagian yang tidak selaras. Namun yang demikian, kewujudan mahkamah sivil ini tidak menunjukkan bahawa Malaysia adalah negara sekular. Agama Islam merupakan agama rasmi negara berdasarkan kepada Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

5.0 Had Umur Pesalah Muda Menurut Perundangan Jenayah Syariah

Istilah kanak-kanak hanya dibincangkan sekali di dalam enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri serta diasingkan pula istilah bagi pesalah remaja atau pesalah muda dalam akta yang lain. Beberapa enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia juga memperuntukkan definisi bagi kanak-kanak. Senarai akta atau enakmen yang mendefinisikan istilah seorang kanak-kanak atau pesalah muda adalah Seksyen 51 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor, Enakmen Kesalahan Jenayah (Negeri Pulau Pinang) 1996, Seksyen 10 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 Sabah, Seksyen 4 Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak), Seksyen 43 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Seksyen 63 Enakmen Kesalahan Jenayah (Taazir)(Terengganu) 2001 dan Seksyen 48 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 Sarawak. Seksyen 2 Enakmen 7 Tahun 1993, Enakmen Prosedur Jenayah dalam Syarak 1991 Negeri Perlis menggunakan istilah remaja dan memberi takrifan sebagai seorang lelaki atau perempuan yang berumur 18 tahun ke bawah. Kemudian negeri Kedah pula tidak memberi sebarang peruntukan terhadap usia pesalah muda atau remaja mahupun isu baligh atau mukallaf.

Tambahan pula, sistem perundangan syariah menggunakan istilah pesalah muda untuk menggantikan kanak-kanak. Pesalah muda yang dimaksudkan dalam kebanyakan enakmen tatacara jenayah syariah di Malaysia adalah mereka yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun. Had umur ini adalah berlainan dengan peruntukan pesalah muda menurut Kanun Prosedur Jenayah. Kanun Prosedur Jenayah mengistilahkan pesalah muda sebagai seseorang yang berumur di antara 10 tahun sehingga kurang daripada 16 tahun.

Golongan ini boleh disabitkan kesalahan serta dihukum denda atau penjara. Kesalahan jenayah yang dilakukan adalah tertakluk dibawah peruntukan Kanun Keseksaan Malaysia dan pesalah akan menerima sabitan sama seperti pesalah dewasa. Justeru pemakaian istilah yang berbeza untuk memberi erti kanak-kanak ini boleh mewujudkan ketidakadilan atau konflik dalam pelaksanaan sistem perundangan jenayah syariah di setiap negeri (Abdul Rahim & Yusof 2014).

Sehubungan itu, seperti yang ditetapkan dalam perundangan syariat Islam, kanak-kanak yang masih belum mencapai usia baligh dan telah melakukan suatu kesalahan tidak akan dianggap sebagai jenayah. Walaupun kanak-kanak ini telah memberi perakuan terhadap kesalahan yang dilakukan, mereka tidak boleh dihukum hudud, qisas dan termasuk hukuman takzir kerana dianggap belum mukallaf dan belum cukup akal dan kematangan bagi membezakan perkara yang hak dan batil. Berdasarkan data ini, persoalan telah timbul apabila berlaku perbezaan usia baligh dan had umur yang ditetapkan dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Seseorang yang berumur 11 tahun misalnya dianggap belum baligh di kebanyakan negeri. Namun penetapan had umur dalam undang-undang jenayah syariah di Malaysia menetapkan usia lebih daripada 10 tahun sebagai permulaan usia pendakwaan jenayah. Peruntukan ini namun yang demikian terkecuali bagi negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Pahang.

6.0 Had Umur Kanak-kanak Menurut Perundangan Jenayah Sivil

Kanak-kanak diberi istilah sebagai seseorang yang belum mencapai umur 14 tahun menurut Undang-undang Am (*Common Law*) walaupun umur tersebut sudah berbeza mengikut bidang kuasa sistem perundangan yang pelbagai sekarang (Garner 1999). Menurut (Bird 1983), kanak-kanak ialah mereka yang berumur kurang daripada 14 tahun. Penentuan usia dalam perundangan ini berpandukan kepada undang-undang Inggeris, *Children and Young Persons Act 1933*. Kanak-kanak turut dianggap sebagai golongan yang tidak mampu menguruskan diri sendiri dan memerlukan bantuan di bawah tanggungan ibu bapa atau penjaga (Azahari & Dimon 2021).

Begitu juga dengan sistem perundangan kebanyakan negara di mana had umur seorang kanak-kanak telah diperuntukkan bagi menjamin kemaslahatan dan kebajikan seorang kanak-kanak. Bagi jenayah sivil, had umur kanak-kanak diperuntukkan dalam bahagian 1 subseksyen (2) Akta Kanak-kanak 2001. Akta ini merupakan akta yang eksklusif untuk kanak-kanak di Malaysia dalam perundangan sivil yang menggabungkan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106) dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) (Abd Rahim, 2014). Kanak-kanak menurut Akta Kanak-kanak 2001 ialah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang berikut:

"kanak-kanak"-

- (a) ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan*
- (b) berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan."*

Tahap umur kanak-kanak yang sama iaitu 18 tahun ini turut diperuntukkan dalam undang-undang sivil yang lain seperti Akta Umur Dewasa 1971 dan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Noor 2015). Manakala berdasarkan Kanun Prosedur Jenayah Akta 593 dalam Seksyen 2,

pesalah muda ialah kanak-kanak yang disabitkan kesalahan dan boleh dihukum denda atau penjara. Golongan ini berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun. Seterusnya, istilah kanak-kanak menurut Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 pula adalah terbahagi kepada dua iaitu 18 tahun untuk umat Islam manakala 21 tahun bagi kanak-kanak yang beragama selain daripada Islam (Thambapillay 2002). Di samping itu, istilah kanak-kanak dalam Kanun Keseksaan Akta 574 memberi takrifan yang sedikit berbeza dan lebih terperinci. Kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kanak-kanak di bawah 10 tahun dan kanak-kanak di antara 10 sehingga kurang daripada 12 tahun.

“82. Perbuatan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun. Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun.

83. Perbuatan kanak-kanak yang berumur lebih daripada 10 tahun tetapi kurang daripada 12 tahun yang belum cukup akal.

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur lebih daripada sepuluh tahun tetapi kurang daripada dua belas tahun yang belum cukup akal untuk menimbangakan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu.”

Dapat disimpulkan bahawa istilah kanak-kanak menurut jenayah sivil juga tidak mempunyai penyelarasan. Had umur kanak-kanak berbeza iaitu 10 tahun, 12 tahun, 16 tahun dan 18 tahun mengikut statut perundangan yang terpakai. Usia 10 tahun, 12 tahun dan 18 tahun menjadi had umur yang membezakan tanggungjawab pesalah kanak-kanak terhadap kesalahan yang dilakukan dan jenis hukuman yang akan diterima. Kerajaan Malaysia juga mentakrifkan kanak-kanak dengan definisi golongan di bawah umur 18 tahun berdasarkan peruntukan dalam Akta Kanak-kanak 2001. Kerajaan mempunyai pendefinisian lain untuk golongan yang berusia di antara 13 tahun sehingga 24 tahun dan masih belum berkahwin di mana golongan ini akan digelar remaja (Direktori Perkhidmatan Keluarga n.d.). Oleh yang demikian, pihak mahkamah khususnya perlu cekap dalam menggunakan akta perundangan dalam mengendalikan kes kanak-kanak.

7.0 Peruntukan Had Umur oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Penentuan had umur kanak-kanak ini adalah penting untuk melihat persediaan kerajaan dalam mendepani kes melibatkan kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang negara (Mustaffa, 2018). Undang-undang antarabangsa telah menetapkan garis panduan untuk setiap perundangan negara dalam menetapkan had umur minimum tanggungjawab jenayah. Konvensyen Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child (CRC)*) dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) dan Peraturan Piawaian Minimum bagi Pentadbiran Keadilan Juvenil (*Standard Minimum Rules for the Administration of Juvenile Justice (Beijing Rules)*) telah meluluskan beberapa komponen utama dalam penetapan had umur ini.

Pertama, Fasal 4 Beijing Rules memperuntukkan had umur kanak-kanak tidak boleh berada pada peringkat yang terlalu rendah. Setiap ahli perundangan negara boleh meletakkan had umur kanak-kanak dengan mengambil kira pelbagai faktor latar belakang sejarah, politik, sosial dan ekonomi. Kanak-kanak yang dituduh

melakukan jenayah perlu ditangani dengan baik untuk menjaga maruah mereka sebagai kanak-kanak. Kemudian CRC tidak meletakkan had umur secara spesifik namun penegasan diberikan kepada negara-negara bahawa kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak sesuai untuk dihukum. Kedua, setiap perundangan negara perlu menyelaraskan dan menetapkan had umur yang seragam. Tiada sebarang faktor yang boleh menukar atau menjejaskan had umur yang telah ditetapkan dalam undang-undang negara. Sebagai contoh, had umur kanak-kanak akan berubah mengikut kes jenayah yang berbeza. Hal ini seterusnya akan menyebabkan berlaku banyak ketidakadilan terhadap pesalah dan masyarakat secara umum. Ketiga, umur tanggungjawab jenayah ini harus diambil kira pada waktu jenayah tersebut berlaku. Sekiranya kanak-kanak melakukan kesalahan jenayah pada umur 13 tahun dan ditangkap pada umur 23 tahun, hukuman yang dijatuhkan perlu memfokuskan kepada bentuk-bentuk hukuman bagi jenayah dilakukan oleh seseorang yang berumur 13 tahun. Jika usia 13 tahun ini masih berada di bawah had umur minimum tanggungjawab jenayah dalam sesebuah negara, maka tiada hukuman akan diberikan kepada pesalah kanak-kanak tersebut (Abd Rahim 2014).

Selain daripada peruntukan had umur oleh badan pertubuhan antarabangsa, beberapa orang sarjana perundangan juga mengeluarkan pendapat berkenaan had umur. Penetapan had umur minimum tanggungjawab jenayah ini perlu ditinjau kepada kemampuan kanak-kanak dalam mengendalikan perbuatannya serta memahami akibat daripada perbuatan tersebut dari perspektif undang-undang negara (Crofts 2009). Sains dan teknologi telah membantu pihak kerajaan melihat tahap perkembangan seorang kanak-kanak. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, 11 tahun merupakan umur minimum seseorang mampu membuat hipotesis sendiri (Mustaffa 2018). Di samping itu, kekebalan kanak-kanak daripada pendakwaan juga menjadi salah satu rujukan dalam membuat peruntukan had umur kanak-kanak (Dalby 1985). Kriteria ini berbeza dengan kriteria sebelumnya berkenaan kemampuan kanak-kanak, di mana kekebalan kanak-kanak ini lebih terarah kepada institusi perundangan sesebuah negara. Kematangan kanak-kanak akan dievaluasi sama ada mereka sudah sesuai atau tidak untuk dipertanggungjawabkan dengan pendakwaan jenayah. Hal ini menunjukkan bahawa mereka yang melebihi had umur kekebalan daripada pendakwaan yang telah ditetapkan akan menerima hukuman jenayah sama seperti hukuman untuk pesalah dewasa (Abd Rahim 2014).

8.0 Kesimpulan

Konklusinya, jenayah dalam kalangan kanak-kanak masih berlaku di Malaysia berdasarkan kepada data dan statistik yang telah dilampirkan. Usaha dari pihak kerajaan bagi mencegah jenayah daripada terus menular dijalankan dengan menjatuhkan hukuman kepada penjenayah sama ada penjenayah dewasa mahupun penjenayah dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, had umur minimum tanggungjawab jenayah perlu ditetapkan demi keadilan semua pihak.

Menurut Islam, seseorang akan mula dipertanggungjawabkan dengan perbuatannya setelah baligh. Namun usia baligh seseorang menurut sebahagian enakmen jenayah syariah negeri-negeri seperti di Perak, Negeri Sembilan dan Sabah mempunyai percanggahan dengan pegangan empat mazhab utama yang meletakkan minimum 15 tahun sebagai usia baligh. Begitu juga dengan peruntukan jenayah sivil yang menetapkan bahawa kanak-kanak berumur 12 tahun sudah boleh dipertanggungjawabkan dengan perbuatan jenayah yang dilakukan tanpa sebarang

pengecualian dan akan dihukum berpandukan kepada Akta Kanak-kanak 2001. Peruntukan ini telah disebut dengan jelas dalam seksyen 83 Kanun Keseksaan. Malah berdasarkan hujah serta dalil hukum syarak, baligh merupakan salah satu indikasi utama bagi menentukan tanggungjawab jenayah. Umur baligh maksimum dalam Islam dan had umur dalam enakmen tatacara jenayah syariah serta Akta Kanak-kanak 2001 tidak mempunyai penyelarasan seterusnya menimbulkan kecelaruan dalam pelaksanaan perundangan negara secara umum.

Percanggahan had umur kanak-kanak dengan pendapat empat mazhab masih tidak bertentangan dengan hukum Islam kerana isu ini bukan termasuk dalam perkara qat'i. Namun ketidakselarasan penetapan had umur kanak-kanak dalam tanggungjawab ini boleh mewujudkan ketidakadilan dalam institusi penguatkuasaan undang-undang jenayah secara umum serta tatacara jenayah syariah bagi negeri-negeri yang berkenaan. Setiap negeri atau negara perlu memperuntukkan had umur bagi kanak-kanak seperti yang ditekankan oleh Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child (CRC)*). Oleh yang demikian, penyelarasan penggunaan istilah kanak-kanak dalam perundangan jenayah syariah juga adalah diperlukan untuk mengelakkan sebarang kecelaruan di mana sebahagian perundangan menggunakan istilah kanak-kanak manakala sebahagian yang lain menggunakan istilah pesalah muda. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjaga kepentingan dan kebajikan seorang kanak-kanak.

Selain isu ketidakselarasan dalam perundangan jenayah syariah, kerelevanan had umur maksimum kanak-kanak pada usia 18 tahun juga perlu ditinjau sebaiknya. Hal ini adalah kerana kemajuan peredaran dunia teknologi kini amat berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Kanak-kanak lebih mudah terdorong untuk melakukan kesalahan melalui faktor persekitaran yang lebih mudah untuk diakses kini. Malah penetapan usia 18 tahun ini juga berbeza dengan pendapat mazhab Syafi'i sebagai mazhab rujukan utama di Malaysia. Sementelahan sistem perundangan di Malaysia bagi kes melibatkan juvana atau pesalah muda kanak-kanak telah dilaksanakan lebih daripada 50 tahun (Samuri & Mohd Awal 2009). Diharapkan agar pihak pemerintah boleh menelusuri kedua-dua isu berkenaan had umur dalam jenayah syariah dan jenayah sivil di Malaysia dengan lebih mendalam untuk memelihara *siyasa syar'iyah* negara.

Penghargaan

Kajian ini telah menerima pembiayaan daripada Insentif Persidangan Pasca-Siswazah (IPP), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak universiti kerana memberi sokongan bagi mengikuti International Conference on Dakwah and Usuluddin 2023 (ICODUS 2023).

Rujukan

- A. Martin, E. (1996). Oxford Dictionary of Law.
Abd Majid, M. Z., Mahmud, M. W., & Abdul Aziz, A. (2012). Maqasid al-Shariah. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
Abd Rahim, A. (2014). Jenayah Kanak-Kanak dan Undang-Undang Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.
Abdul Rahim, A., & Yusof, W. (2014). Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakselarasan dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen

- Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia. *KANUN Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 24(1), 1–23.
- Abdullah, M. A. H., Mohd Shariff, A. 'Azam, & Yahya, M. A. (2017). Pesalah Muda dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan dari Perspektif Prinsip Syariah. *Jurnal Current Legal Issues*, 8.
- Abu Bakar, S. A., & Ismail, S. Z. (2018). Undang-undang Pemelukan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 26(3), 297–322.
- Abu Bakar, Z. R., & Muhammad Hashim, N. (2019). Keistimewaan Islam dan Undang-undang Syariah di Malaysia. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Abu Samah, M. S., & Mohd Ali, A. (2018). *Alman Undang-undang Jenayah di Malaysia*. International Law Book Services.
- Awani, A. (2016). Larangan Jual Alkohol Kepada Bawah 21 tahun Bermula 1 Dis 2017. *Astro Awani*.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/larangan-jual-alkohol-kepada-bawah-21-tahun-bermula-1-dis-2017-106957> 1 Jun 2016.
- Awani, A. (2022, December 20). Kes Jenayah Juvana di Pulau Pinang Membimbangkan. *Astro Awani*.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-jenayah-juvana-di-pulau-pinang-membimbangkan-397870> 20 Disember 2022.
- Auda, J. (2014). Memahami Maqasid Syariah . PTS Islamika Sdn Bhd.
- Azahari, N., & Dimon, Z. (2021). Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda dan Wanita Menurut Undang-undang Islam di Malaysia. *International Conference on Syariah and Law (ICONSAL 2021) - Online Conference*.
- Az-Zuhaili, W. (2010). *Fiqih Islam Wa Adilatuhu*. Darulfikir.
- Harian, B. (2022). Jenayah Buang Bayi Masih Berleluasa. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/923248/jenayah-buang-bayi-masih-berleluasa> 16 Februari 2022.
- Bird, R. (1983). *Osborn's Concise Law Dictionary*. Sweet & Maxwell.
- Crofts, T. (2009). Catching Up With Europe: Taking the Age of Criminal Responsibility Seriously in England. *European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice* 17.
- Dalby, J. T. (1985). Criminal Liability in Children. *Canadian Journal of Criminology*, 27(2).
- Direktori Perkhidmatan Keluarga. (n.d.). Remaja dan Kanak-kanak. Retrieved February 15, 2023, from http://keluarga.lppkn.gov.my/direktori/?page_id=21
- Garner, B. A. (1999). *Black's Law Dictionary Seventh Edition*. West Publishing CO.
- Hamid, N. 'Ashikin, Syed Nong Mohamad, S. N. A., Mohd Jamil, L. S., & Pauzai, N. A. (2015). Khalwat Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia Dan Aceh: Kajian Terhadap Pematuhan Syariah. *Jurnal Kanun*, 27(2), 297–313.
- Metro, H. (2020). Jenayah Libat Pelajar Membimbangkan. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/648603/jenayah-libat-pelajar-membimbangkan> 2 Disember 2022.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, December*.
http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007).

- Kurniawan, T., & Ab Rahman, A. (2020). Analisis Aplikasi Akad Bay' pada Project Based Sukuk (PBS) di Indonesia. *Jurnal Syariah*, 28(3), 417–460.
- Mohamad Al-Bakri, Z. (2022). 612: Umur Baligh. *Maktabah Al-Bakri*.
<https://maktabahalbakri.com/umur-baligh/> 1 Mac 2022.
- Mohamed Adil, M. A. (2000). Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana? *Jurnal Syariah*, 8(2), 103–122.
- Muhd Adnan, N. I. (2022). Ahliyyah Kanak-kanak Tipikal dan OKU. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 4(3), 104–111.
- Mustaffa, A. (2018). Umur Minimum Tanggungjawab Jenayah Kanak-kanak: Menilai Undang-Undang Malaysia Dari Perspektif Undang-Undang Antar Bangsa. January 2016.
- Noor, Z. (2013). Perkahwinan Kanak-kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam. *Jurnal Syariah*, 21(2), 165–190.
- Noor, Z. (2015). Penderaan Kanak-kanak oleh Ibu Bapa atau Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-undang Sivil dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 7(2), 66–80.
- Perlembagaan Persekutuan, (2009).
- Samudin, S. A. (2019). Ganti Rugi Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya: Ke Arah Mengharmonisasikan Prinsip Diyat Ke Dalam Undang-Undang di Malaysia. *Universiti Malaya*.
- Samuri, M. A. A., & Mohd Awal, N. A. (2009). Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan? *Jurnal Undang-Undang Universiti Kebangsaan*, 13.
- Thambapillay, S. (2002). Akta Kanak-kanak 2001: Kesannya Terhadap Undang-undang Keluarga . *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 29(1).
- Malaysia, U. (2023). Remaja Bawah Umur Antara 11 Ditahan Ambil Minuman Keras. *Utusan Malaysia*.
<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/remaja-bawah-umur-antara-11-ditahan-ambil-minuman-keras/> 1 Januari 2023.
- Yaakub, F., & Buang, A. H. (2019). Cabaran Pengaplikasian Janji (Wa'd) dalam Kontrak Perbankan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 27(2), 233–260.
- Yusof, M. F. (2013). Kesesuaian Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. 1–20.
- Yusof, M. F. (2018). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-230: Umur Baligh Menurut 4 Mazhab dan Had Umur Yatim. Mufti Wilayah Persekutuan.
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim>
11 Jun 2018.
- Zakaria, M. R. (2015). Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 19, 37–49.